



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

#### **PEGAWAI PENERANGAN KANAN (B.3) JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

#### **2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PENERANGAN KANAN  
JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Journalism and Mass Communication* atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan sebagai Pegawai Penerangan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Penerangan sebagai Pegawai Penerangan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Berpengalaman dalam kerja-kerja Perkhidmatan Kemasyarakatan dan berkemampuan menyampaikan ceramah dan taklimat adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit Perhubungan Korporat di Bahagian Media dan Komunikasi Korporat;
2. Memberi ceramah / taklimat mengenai kemajuan perkembangan negara, kenegaraan dan kemasyarakatan;
3. Menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti Bahagian;
4. Mencadangkan pembaharuan dasar / polisi bagi Bahagian;
5. Menerbitkan dan mentadbir urus penulisan berita, rencana, buku khas atau siaran akhbar;
6. Mengatur dan mengadakan rancangan-rancangan promosi dan lain-lain yang diaturkan dari semasa ke semasa;
7. Merancang, melaksanakan dan menyelaras program perhubungan media, hubungan korporat serta kerjasama hal ehwal antarabangsa bersama agensi-agensi media tempatan serta rakan-rakan strategik;
8. Membuat perancangan peruntukan untuk aktiviti dan program Bahagian; dan
9. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pihak atasan dari semasa ke semasa.